

# MENGGEMILANGKAN

# Bahasa

Sejarah usaha menggemilangkan semula bahasa Melayu di persada dunia terakam apabila Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan langkah kerajaan untuk menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi di luar negara. Pernyataan media beliau tersiar dalam media pada 26 Februari 2022 ketika kunjungan beliau ke Bangkok, Thailand dalam rangka memperkukuh hubungan dengan negara jiran serantau.

# SEMULA

# Melayu di Persada Dunia

**B**eliau bukan setakat membuat pengumuman bahkan mengotakan katanya apabila menggunakan bahasa Melayu dalam pertemuan dua hala dengan rakan pemimpin di negara gajah putih itu, sebelumnya di Kampuchea dan sesudah itu di Vietnam. Dalam sejarah negara, inilah kali pertama Perdana Menteri mengisytiharkan usaha mengangkat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Amat menarik bahawa pernyataan Perdana Menteri itu bukan hal yang berlaku secara spontan, tetapi berurutan dengan peristiwa lain sebelum dan sesudahnya. Pada 10 November 2021, Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man melakukan kejutan apabila berucap dalam bahasa Melayu di

Persidangan Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 (COP26) di Glasgow, Scotland. Sebelum itu, pada 5 November 2021, Menteri Luar, Dato' Saifuddin Abdullah membuat pernyataan semasa sidang media di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tentang

program Diplomasi Kebudayaan yang akan digerakkan oleh Kementerian Luar Negeri, yang antara lain meluaskan penggunaan bahasa Melayu melalui kedutaan Malaysia di luar

negara. Susulannya ialah pelancaran Kerangka Dasar Luar Malaysia yang turut memasukkan program Diplomasi Kebudayaan, pada 17 Disember 2021 oleh Perdana Menteri. Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan perasmian Pertandingan Antarabangsa Pidato Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri Malaysia (PABM) di Universiti Teknologi Malaysia di Johor Bahru pada 28 November menegaskan betapa pentingnya Keluarga Malaysia memartabatkan bahasa Melayu dan menegur agensi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta yang tidak mementingkan penggunaan bahasa Melayu.

Pertemuan Perdana Menteri dengan wakil pejuang bahasa yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim pada 10 Mac 2022 di Parlimen menjadi dialog percambahan fikiran untuk menggariskan hasrat Perdana Menteri dalam mengangkat bahasa Melayu di persada dunia, di samping memperkukuh kedudukan dan pelaksanaannya pada peringkat negara. Perdana Menteri turut mengemukakan gagasannya tentang martabat bahasa Melayu dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO pada 19 Mac 2022. Kemuncak hasrat Perdana Menteri itu ialah pernyataannya di sidang Dewan Negara pada 23 Mac 2022 yang menyebut iltizam dan usaha kerajaan untuk meningkatkan martabat bahasa Melayu pada peringkat negara dan dunia. Perkara yang disebut oleh beliau ialah usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kedua ASEAN, pelaksanaan program Diplomasi Kebudayaan yang turut mencakup unsur pengembangan bahasa Melayu di persada dunia



YB Dato' Sri Tuan Ibrahim, Menteri Alam Sekitar dan Air menggunakan bahasa Melayu ketika berucap di COP26, Scotland.

“ Tunku Abdul Rahman pernah mengungkapkan falsafah yang penting tentang peranan bahasa kebangsaan sebagai roh bagi negara dan tanpa bahasa kebangsaan, negara umpama jasad tanpa roh. ”



Tunku Abdul Rahman dikenali sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan “Bapa Malaysia”.

dan rancangan kerajaan agar Akta DBP 1959 dipinda untuk memungkinkan penguatkuasaan bahasa Melayu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Langkah mewajibkan pelajar asing mengikuti

kursus bahasa Melayu turut dikemulkannya.

Sokongan perlu diberikan kepada pengisytiharan Perdana Menteri untuk mengangkat martabat bahasa Melayu di dalam negara dan di pentas dunia. Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah pernah



Bahasa Melayu menjadi wasilah pembangunan tamadun di alam Melayu.

mengungkapkan falsafah yang penting tentang peranan bahasa kebangsaan sebagai roh bagi negara dan tanpa bahasa kebangsaan, negara umpama jasad tanpa roh. Suara sumbang dan sinis sesetengah pihak yang menganggap usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai usaha ketinggalan zaman tidak perlu dihiraukan kerana anggapan itu tidak lebih daripada pancaran kejahilan tentang peranan bahasa dalam pembangunan sesuatu tamadun. Sejak zaman Pentas Sunda puluhan ribu tahun lalu, bahasa Melayu telah mula menjadi wasilah perkembangan tamadun sehingga tertubuh kerajaan Melayu lama seperti Campa, Langkasuka, Kedah Tua dan Sriwijaya yang dalam catatan sejarah menggunakan bahasa Melayu sebagai wasilah tamadunya.

Lonjakan peranan bahasa Melayu berlaku dalam zaman klasik, iaitu pada zaman kesultanan Melayu sejak sekitar abad ke-13 apabila dalam pelbagai dokumen dan karya tersurat peranan bahasa Melayu

sebagai bahasa segala bidang tamadun, seperti agama, undang-undang, ketatanegaraan, perubahan, persejaraan, persenjataan dan diplomasi. Sarjana asing seperti Van Linschoten dan Francois Valentijn merumuskan bahasa Melayu sebagai bahasa yang meluas penggunaannya di bahagian timur, malah masyhur hingga di Parsi dan taraf serta peranannya pada abad ke-16 menyamai taraf dan peranan bahasa Latin dan bahasa Perancis di benua Eropah. Khas tentang kedudukannya sebagai bahasa dunia, sekian banyak warkah dan perjanjian antara kerajaan di alam Melayu dengan kuasa luar seperti Belanda, Sepanyol, Portugal dan Inggeris membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi wasilah hubungan diplomasi sedunia.

Bukti sejarah hubungan kerajaan Melaka dengan kerajaan China pada abad ke-15 pula dengan jelas menunjukkan peranan besar bahasa Melayu sehingga diwujudkan jawatan jurubahasa bagi bahasa Melayu di istana maharaja Dinasti Ming dan kemudian bahasa Melayu dijadikan satu daripada bahasa yang dikaji di bawah Jabatan Bahasa-bahasa Islam dalam Akademi Pengajian Asing di istana maharaja China. Demikian juga, kamus Melayu-China telah disusun oleh sarjana China (yang pada hemat saya atas arahan istana) untuk melancarkan hubungan kerajaan China dan pembesar serta pedagangnya berurusan di Melaka dan di bahagian lain alam Melayu.

Bahasa Melayu yang menjadi wasilah pembangunan tamadun di alam Melayu meliputi seluruh kawasan alam Melayu yang luas, iaitu di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Makasar, Filipina dan Patani. Bahasa Melayu ketika itu bertaraf bahasa supranasional dan menjadi unsur pengikat penduduk di alam Melayu. Konsep Melayu tidak terbatas pada ciri etnik, antropologi



dan biologi yang dikaitkan dengan hanya etnik Melayu sebagai satu daripada kumpulan penduduk di alam Melayu, malah berciri ketamadunan apabila merentas dalam kalangan ratusan etnik yang ada di alam Melayu, termasuklah orang Jawa, Sunda, Bugis, Makasar, Ternate, Menado, Banjar, Aceh, Minangkabau, Batak, Madura dan yang lain. Masing-masing etnik memiliki bahasanya sendiri, tetapi bahasa Melayu menjadi pengikat dan



pembentuk nasionalisme Melayu mahawangsa atau Melayu bangsa besar. Saya kira itulah antara asas yang menyebabkan pelopor kemerdekaan Indonesia memilih bahasa Melayu sebagai bahasa nasional, bahasa yang dapat membentuk persatuan kenegaraan, meskipun dalam Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928 diketengahkan nama *bahasa Indonesia*.


Istilah bahasa yang dikaitkan dengan nama negara bukan hakikat sejarah di alam Melayu, melainkan hasil penerapan nasionalisme Barat yang menjurus pada kemandirian negara menurut batas geopolitik. Walau bagaimanapun, tindakan itu perlu dihormati untuk maksud keutuhan negara berkenaan. Bahasa Melayu masih tetap bahasa Melayu namanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Filipina, Thailand, Vietnam, Kampuchea, Laos, Myanmar dan bahkan di wilayah diaspora Melayu seperti di Sri Lanka, Afrika Selatan, Madagascar dan negara Arab. Munculnya nama *bahasa Indonesia* tidak

menghilangkan hakikat bahawa bahasa yang dominan bagi sebahagian besar Asia Tenggara ialah bahasa Melayu. Cadangan penukaran nama bahasa Melayu menjadi *bahasa Malaysia* tidak mempunyai asas yang kuat, malah apabila nama *bahasa Malaysia* pernah dipopularkan, tidak ada bukti penerimaan menyeluruh bahasa Melayu sebagai bahasa negara oleh semua warganegara pelbagai keturunan. Tidak ada bukti juga lonjakan semangat patriotisme apabila dijenamakan bahasa Melayu menjadi bahasa Malaysia. Hujah pihak tertentu bahawa selagi bahasa Melayu bernama bahasa Melayu, Indonesia tidak akan menyokong bahasa itu menjadi bahasa rasmi kedua ASEAN. Maka itu, apakah nama bahasa yang hendak dinobatkan menjadi bahasa rasmi kedua ASEAN itu? Mungkinkah maksud pihak yang pesimis itu namanya harus *bahasa Indonesia-Malaysia-Brunei Darussalam-Singapura-Indocina-Filipina*?

Lintasan sejarah ringkas yang saya paparkan di atas menjadi landasan yang tepat bagi Perdana Menteri dan kerajaan memperkukuh bahasa Melayu menjadi bahasa negara, dengan peranan khas sebagai bahasa kebangsaan (untuk pembentukan jati diri dan perpaduan), bahasa rasmi (untuk komunikasi rasmi jentera pentadbiran negara), bahasa ilmu, bahasa ekonomi, bahasa media dan sektor lain yang memaknakan gagasan tamadun negara. Sekian banyak negara di dunia, hatta dalam zaman yang dikenal sebagai zaman ledakan teknologi, zaman langit terbuka, zaman dunia tanpa sempadan dan dunia globalisasi, tetap meraikan bahasa negara masing-masing untuk menjadi wasilah pembangunan tamadun negara.

Jerman tetap mengangkat bahasa Jerman dan tetap menduduki tempat penting sebagai negara industri berat dan pengeluar ubat-ubatan sedunia. Republik Rakyat China yang bakal menjadi kuasa ekonomi dunia nombor satu tetap mempertahankan keunggulan bahasa Mandarin sebagai bahasa negaranya. Demikian juga Jepun, Korea Selatan, Perancis, Belanda, Rusia, Turki, Iran, negara-negara


**Bahasa Melayu masih tetap bahasa Melayu namanya di Malaysia, di Brunei Darussalam, Singapura, Filipina, Thailand, Vietnam, Kampuchea, Laos, Myanmar dan bahkan di wilayah diaspora Melayu seperti di Sri Lanka, Afrika Selatan, Madagascar dan negara Arab.**



**Mampukah bahasa Melayu melonjakkan kedudukannya sebagai bahasa rasmi kedua ASEAN?**



Arab dan yang lain. Sebagai satu gambaran yang menunjukkan bahasa negara menjadi pendukung tamadun negara, Rusia tetap menggunakan bahasa negaranya untuk melancarkan kapal angkasanya sehingga Dato' Dr. Sheikh Muszaphar, angkasawan Malaysia yang mengikuti misi Rusia ke angkasa lepas perlu bersungguh-sungguh menguasai bahasa Rusia untuk memungkinkannya berjaya mengikuti misi ke angkasa itu.



Usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kedua ASEAN memerlukan keazaman yang tinggi.

Malaysia telah mempunyai Dasar Bahasa Kebangsaan yang jelas sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152, dalam Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan, Akta DBP dan sejumlah undang-undang dan peraturan yang lain. Isunya bukan ketiadaan dasar, tetapi pelaksanaan dan penguatkuasaan yang tidak cukup menyeluruh, tegas dan tekal. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pentadbiran

### **Penegasan Perdana Menteri tentang pentingnya Akta DBP 1959 dipinda untuk memungkinkan pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa Melayu sebagai bahasa negara menjadi antara langkah yang perlu disusuli dengan usaha menaikkan taraf DBP sebagai badan perancang bahasa, sastera dan penerbitan negara.**

yang utuh. Bahasa Melayu telah mencapai kejayaan sebagai bahasa penghantar pendidikan peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Namun begitu, peribahasa "Sekali air bah, sekali pantai berubah" berlaku kepada bahasa Melayu. Dalam kiasan yang lebih jelas, bahasa Melayu menjadi batu berat yang ditolak oleh Sisyphus ke puncak bukit dan apabila telah hampir berjaya batu itu sampai di puncak bukit, batu itu ditekkan oleh dewa dari atas sehingga terus-menerus Si Sisyphus melakukan usaha tanpa henti-henti.

Maka itu, penegasan Perdana Menteri tentang pentingnya Akta DBP 1959 dipinda untuk memungkinkan pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa Melayu sebagai bahasa negara menjadi antara langkah yang perlu disusuli dengan usaha menaikkan taraf DBP sebagai badan perancang bahasa, sastera dan penerbitan negara. Akta DBP 1959, meskipun telah melalui semakan pada tahun

1978 serta pindaan dan peluasan pada tahun 1995, masih berada pada tahap kepompong struktur atau prasarana DBP, iaitu tentang peranan dan tatacara Lembaga Pengelola serta pentadbiran organisasi. Asas akta versi 1959 itu mungkin sesuai pada waktu itu, untuk memenuhi maksud menaikkan taraf DBP daripada sebuah jabatan kerajaan menjadi badan berkanun, namun untuk melonjakkan bahasa Melayu sebagai bahasa wasilah pembangunan tamadun negara, DBP tidak wajar terkepung oleh ehwal prasarana semata-mata.

Pindaan dan peluasan objektif DBP pada tahun 1995 kepada usaha pengembangan bahasa Melayu secara berkesan meletakkan DBP hanya sebagai badan dakwah bahasa melalui objektif "(v) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul" dan "(vi) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa". Kedua-dua objektif penubuhan DBP dalam pindaan dan peluasan Akta DBP pada tahun 1995 sekadar "menggalakkan" dan tiada sama sekali peruntukan "penguatkuasaan". Kedua-dua objektif itu hanya

disokong oleh peruntukan "(2) Bagi maksud perenggan (1)(v) dan (vi), "untuk menggalakkan" termasuklah memberikan arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan". Dengan keterhadan gerak kerja DBP sebagai badan dakwah bahasa sedemikian, DBP tidak dapat melaksanakan aspek penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Oleh itu, pindaan Akta DBP memerlukan penghayatan roh atau jiwa bahasa Melayu sebagai wasilah pembangunan tamadun negara, bukan sekadar badan penggalakan atau penasihat bahasa. DBP perlu dinaikkan tarafnya menjadi "badan berkuasa bahasa" yang bukan sekadar menyusun sistem ejaan, sebutan, istilah, kamus, tatabahasa dan mengendalikan kursus dan latihan bahasa. DBP perlu diangkat menjadi badan berkuasa bahasa

yang mempunyai wewenang dalam penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa negara dan juga sebagai badan penarafan dan pengiktirafan yang berkaitan dengan bahasa Melayu. Nescaya pindaan Akta DBP tidak mudah dan memerlukan iltizam dan azam politik serta keterlibatan para pemimpin semua sektor (pendidikan, undang-undang, perkhidmatan awam, pihak berkuasa awam, syarikat berkaitan kerajaan dan agensi). Pindaan Akta DBP turut memberikan isyarat perlunya pindaan Akta Bahasa Kebangsaan juga kerana beberapa kelompangan dalam akta itu menyebabkan DBP tidak dapat bergerak sebagai badan berkuasa bahasa.

Pindaan Akta DBP semata-mata memang tidak menjamin tercapainya hasrat Perdana Menteri untuk membina “kesinambungan” kegemilangan bahasa Melayu (ungkapan beliau dalam pertemuan dengan kumpulan pejuang Bahasa pada 10 Mac 2022). Hal ini memerlukan reformasi menyeluruh dalam semua sektor ketamadunan negara, iaitu pendidikan, pentadbiran, undang-undang, media dan ekonomi yang melibatkan penjawat awam, penggubal undang-undang (ahli Parlimen), pelaksana undang-undang, penggerak agensi dan syarikat berkaitan kerajaan dan semua pihak lain yang bernaung di bawah langit negara Malaysia.

Demikian juga, usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kedua ASEAN dan bahasa di forum antarabangsa nescaya memerlukan bukan sahaja iltizam bahkan perancangan yang rapi dan berstrategi serta tekad tanpa bermusim dengan menghindari realisasi peribahasa “hangat-hangat tahi ayam”. Untuk menjadi bahasa rasmi kedua ASEAN, perundingan dan persefahaman perlu diwujudkan dalam kalangan pemimpin negara-negara anggota ASEAN. Sikap parokial dan berpaksi pada sentimen nusa perlu dineutralkan oleh semangat kebersamaan untuk mengangkat bahasa Melayu supranasional atau bahasa Melayu mahawangsa tanpa merujuk mana-mana negara secara khusus.

Jika nama menjadi masalah, maka usaha Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang sejak tahun 2000 menggunakan istilah *bahasa Melayu-Indonesia* sebagai satu bentuk tolak ansur dapat ditimbang untuk diterapkan. Dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pun

digunakan istilah itu. Maka itu, soal nama tidak wajar dijadikan batu halangan untuk mengangkat bahasa Melayu supranasional menjadi bahasa rasmi ASEAN yang kedua, sementara menanti saat yang sesuai untuk menjadi

bahasa rasmi utama ASEAN. Potensinya sangat besar dengan jumlah penuturnya sekitar 300 juta orang meskipun dengan keragaman bahasa daerah dan dialek. Sokongan awal Presiden Indonesia kepada gagasan Perdana Menteri Malaysia sepatutnya diberi perhatian utama, lebih daripada meladen pernyataan seorang menteri di bawah pimpinan Presiden.

Untuk program pengantarabangsaan bahasa Melayu, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada tahun 1997 dan DBP sebagaiurus setia pusatnya telah menggerakkan MABM sejak tahun 2000, berdasarkan piagam yang telah diterima oleh tiga buah negara pendukungnya, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Gerak kerja MABM dengan pelibatan sarjana dan tokoh sedunia yang mewakili wilayah Amerika Utara, Eropah, Asia Timur, Asia Tenggara, Asia Selatan, Oceania dan Afrika telah menyuburkan bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu di persada dunia. Hasrat Perdana Menteri, pada hemat saya, dapat dibantu pelaksanaan dan kejayaannya dengan merekayasakan MABM sebagaiurus setia induk program pengantarabangsaan bahasa Melayu. Bahteranya telah ada dan telah belayar di samudera luas sejak tahun 2000; dengan pengukuhan dana dan prasarananya, MABM dapat mengisi cita-cita dan hasrat Perdana Menteri dan kerajaan dalam usaha mengangkat martabat bahasa Melayu.

Ungkapan yang saya ulang-ulang dalam pelbagai wacana saya tampilkan sebagai penutup bicara. “Peluang ini mungkin tidak berulang. Maka itu, semua pihak mesti bergerak secara terancang dan tekad untuk menjayakan hasrat murni Perdana Menteri kita.” □

**Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan**, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Presiden Jokowi menerima kunjungan Perdana Menteri Malaysia di Istana Merdeka, Jakarta.